

Berpindah segera elak ditimpa kejadian buruk

KUALA LUMPUR – Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar menyarankan pemilik rumah yang menerima notis mengosongkan kediaman masing-masing di Kampung Pindah, Kampung Baru di sini berbuat demikian demi keselamatan mereka.

Ketua Setiausahanya, Datuk Adnan Md. Ikhsan berkata, sebanyak empat buah rumah daripada 18 unit kediaman di kawasan tersebut diberikan notis itu selepas mendapati keadaan struktur rumah yang kritikal berpunca daripada kejadian tanah mendap.

"Penduduk yang terlibat perlu akur dengan notis yang diberikan untuk menjamin keselamatan mereka sekeluarga bagi mengelak masalah yang lebih buruk terjadi.

"Pihak kementerian prihatin dengan nasib yang menimpa penduduk di sini dan berusaha membantu untuk menyelesaikannya dengan pihak berkenaan dalam kadar segera," katanya selepas membuat tinjauan ke kawasan tersebut semalam.

Bagaimanapun, Adnan berkata, penduduk selebihnya pula diberi notis pilihan sama ada untuk kekal tinggal di rumah masing-masing atau berpindah ke rumah yang disediakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Kampung Baru

Selepas kejadian tanah mendap berdekatan kediaman mereka

Penduduk diarah kosong rumah



KERATAN *Kosmo!* semalam.

Air Panas, Setapak di sini.

Kosmo! semalam melaporkan, sebahagian daripada penduduk kampung tersebut melahirkan rasa terkilan apabila diberikan notis keluar dari rumah tiga hari menjelang Aidilfitri selepas kejadian tanah mendap yang berlaku berdekatan dengan kediaman mereka.

Prihatin dengan masalah yang dihadapi penduduk tersebut, Adnan memberitahu, kementerian itu turut menghulurkan wang saku hati sejumlah RM9,000 kepada setiap pemilik rumah yang telah bersetuju untuk berpindah ke rumah yang disediakan pihak DBKL.

Katanya, setakat ini sembilan daripada 18 pemilik buah rumah terlibat telah bersetuju untuk berpindah.



ADNAN (tiga dari kanan) bersama wakil penduduk melawat kawasan tanah mendap di Kampung Pindah, Kampung Baru, Kuala Lumpur semalam.